



Murid Norma Baharu dalam **KEBIASAAN BAHARU**

SEJAK dunia dilanda wabak COVID-19, istilah norma baharu sudah meresap dalam kehidupan manusia di muka bumi ini. Serangan wabak ini menyebabkan institusi pendidikan yang menjadi tunjang peradaban dan perkembangan manusia ditutup berbulan-bulan lamanya. Penutupan ini disebabkan wabak yang merebak ini amat drastik dan agresif sehingga meragut nyawa jutaan manusia tanpa mengenal usia, jantina dan latar belakang.

Oleh hal yang demikian, kita diuji dengan cabaran yang cukup besar dan getir sepanjang tahun 2020, iaitu pandemik COVID-19 yang mula

dilaporkan di Malaysia pada bulan Januari 2020. Cabaran ini bukan sahaja menguji kekuatan kita secara individu, tetapi daya ketahanan kita sebagai sebuah negara dan masyarakat yang berbilang kaum dan latar budaya. Ketika berdepan dengan cabaran COVID -19, kita semua rakyat Malaysia telah bangkit bersama menentang kemaraan penularan wabak ini dengan satu keazaman dan semangat kesepaduan yang amat luar biasa.

Walaupun pelbagai dugaan datang melanda sepanjang tahun 2020 hingga kini, rakyat Malaysia telah menunjukkan sikap positif dan daya ketahanan yang cukup kental dan amat membanggakan. Berkat usaha dan kecekalan segenap

lapisan rakyat Malaysia untuk menghadapi COVID-19, kita telah berjaya melandaikan lengkung penularan jangkitan COVID-19 pada peringkat awal penularan wabak ini. Respons pantas kerajaan membuat keputusan yang amat sukar seperti menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menutup dan memperketat kawalan di pintu masuk antarabangsa, mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat seperti mewajibkan pemakaian pelitup muka di kawasan awam serta mengaktifkan sistem pengesanan kontak rapat telah berjaya memastikan penularan wabak ini terkawal. Tindakan kerajaan melaksanakan kawalan pergerakan sejak bulan Mac



2020 menyaksikan nilai kebolehtingkatan (*R-naught*) berjaya diturunkan hingga di bawah 1.0.

Walaupun bagaimanapun, murid sekolah terpaksa mengharungi cabaran getir ini dengan pelbagai perubahan yang perlu dilakukan oleh mereka. Kebiasaan baharu yang diamalkan ini memerlukan masa untuk diadaptasi dan diamalkan supaya norma baharu ini menjadi rancang dan adat kehidupan yang baharu mulai sekarang. Penetapan norma baharu dan kebiasaan baharu ini bukan sahaja dapat mengelakkan penularan wabak, tetapi juga membantu negara mendatarkan lengkung penularan di samping mengejar kecemerlangan dalam diri sebagai insan yang bergelar murid sekolah.

Dari segi pelajaran, murid haruslah mempunyai disiplin diri yang teguh dalam usaha memastikan setiap tugas yang diberikan oleh guru sekolah tidak diabaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana keciciran murid dalam kelas secara dalam talian dan ketidakhadiran murid dalam kelas talian amat membimbangkan. Oleh sebab itu, murid-murid harus mempunyai jadual waktu kerja yang memastikan tugas sekolah disiapkan mengikut waktu yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Pada masa yang sama, tugas yang diberikan oleh guru dalam bentuk fail PDF melalui WhatsApp atau Telegram mestilah dibaca dan dilengkapkan. Tugas-tugas inilah yang menemani perjalanan hidup kita sebagai murid norma baharu.

Pada masa yang sama, komitmen ibu bapa juga sangat diperlukan untuk memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam arus pelajaran. Keprihatinan ibu bapa sangat diperlukan dalam hal ini. Tugas sekolah mestilah dipastikan siap mengikut jadual dan permintaan guru agar dapat disemak dan dinilai oleh guru sekolah. Norma baharu ini mendidik murid menjadi insan yang lebih berdisiplin dan berdisiplin semula jadi. Andai kata tidak dapat berdisiplinkan diri, murid-murid akan ketinggalan dalam pelajaran dan akhirnya ketinggalan dalam kehidupan.

Demikianlah moleknnya kata orang tua-tua bahawa sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Setiap

tugas yang diberikan oleh guru menepati kehendak buku teks dan sukatan pelajaran. Guru-guru yang memberikan tugas kepada murid sebenarnya mahu murid sedar bahawa masa itu emas. Janganlah kita mengisi masa cuti PKP ini dengan aktiviti yang kurang bermanfaat. Dengan cara ini, kita dapat menyediakan payung sebelum hujan. Yang nyata, sekolah tetap akan dibuka pada suatu hari dan murid tetap perlu menduduki peperiksaan.

Selain itu, kelas secara dalam talian yang dirancang dan dianjurkan oleh pihak sekolah merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak sekolah untuk memastikan murid tidak tercedir daripada gelombang pendidikan yang mementingkan kualiti dan kecemerlangan akademik dan kokurikulum. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih daripada KPM kepada guru yang berusaha gigih dan berhempas pulas untuk menjaya pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) menerusi pelantar Google Meet dan Zoom Meeting untuk memastikan murid mendapat ilmu dan pengetahuan yang seiring dengan permintaan sukatan pelajaran.

Pada 17 April 2020, Google Classroom di Malaysia menjadi carian tertinggi di dunia. Hal ini membuktikan usaha pendidik menggunakan pembelajaran secara dalam talian dalam tempoh PKP. Guru yang jauh dari mata murid sentiasa mendoakan kejayaan mereka dan berusaha untuk memastikan murid tidak ketinggalan dalam pelajaran. Hal ini terbukti dengan beberapa berita yang kita baca dalam akhbar arus perdana dan perkongsian tentang kegigihan guru membawa tugas murid dengan menempuh perjalanan yang sukar dan menanda tugas murid dari rumah ke rumah menjadi tular ke serata dunia. Semua ini adalah untuk memastikan murid mendapat ilmu yang secukupnya. Demikian indah kata orang tua-tua, guru bak lilin yang membakar diri menerangi hidup anak murid untuk memastikan murid mendapat ilmu dan pengetahuan. Sebagai mengaplikasikan norma baharu dan kebiasaan baharu ini, murid-murid haruslah menunjukkan kerjasama yang optimum kepada guru.

Persediaan mental dan fizikal juga merupakan aspek yang perlu diberikan perhatian dalam kalangan murid. Bagi mematuhi norma baharu ini ada murid melakukan aktiviti yang kurang sihat sepanjang PKP ini menyebabkan mereka tidur lewat dan bangun lewat. Kebanyakan kelas secara dalam talian lengang dan ada juga guru yang meluahkan perasaan kecewa terhadap sikap murid yang mengabaikan kelas secara dalam talian. Mereka bukan sahaja diulit mimpi, tetapi juga ketagihan permainan secara dalam talian.

Oleh hal yang demikian, murid norma baharu perlu mempunyai disiplin diri untuk mendepani kebiasaan baharu ini. Murid-murid perlulah membuat jadual waktu belajar dan merancang urusan akademik mereka dengan sebaiknya. Janganlah kita beranggapan bahawa kelas secara dalam talian kurang berkesan, tidak menyeronokkan, sebaliknya fikirkanlah kesusahan dan kesukaran guru membuat persiapan dan memastikan kesiapsiagaan mereka dalam usaha memastikan semua kelas dijalankan mengikut jadual. Oleh sebab itu, murid mestilah mengharungi norma baharu ini dengan mental yang kukuh dan emosi yang tenang agar terang hati menerima pelajaran.

Dalam satu kenyataan akhbar, mantan Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, sejak kemunculan pandemik COVID-19 lebih setahun lalu di negara ini, banyak aspek kehidupan berubah dan rakyat terpaksa mengamalkan kebiasaan baharu. Menurut beliau, murid tidak dapat menghadiri persekolahan seperti biasa, namun sesi pengajaran dan pembelajaran harus terus berjalan dalam keadaan kebiasaan baharu yang harus diterima oleh semua pihak. Beliau yakin bahawa selama tidak menghadiri sesi persekolahan bukan bermakna murid langsung tidak belajar kerana pembelajaran dapat diakses menerusi pelbagai cara, antaranya membaca buku dan membuat latihan sekolah.

Namun begitu, situasi COVID-19 yang menghalang murid ke sekolah menyebabkan mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan konsep belajar di rumah terutama menerusi kaedah pembelajaran secara dalam



talian. Berhubung dengan kaedah PdPR yang memberikan kesulitan, beliau berkata bahawa segala kesulitan tersebut merupakan suatu kelaziman apabila terpaksa berhadapan dengan sesuatu pendekatan yang baharu. Senario ini sesuai dengan peribahasa alah bisa tegal biasa.

Walaupun timbul masalah di sana sini, secara keseluruhannya, PdPR berjalan dengan lancar dan menjadi tanggungjawab kita semua untuk membetulkan kekurangan tersebut dan memastikan anak-anak yang bersekolah ini mendapat pengalaman belajar yang terbaik dalam kebiasaan baharu ini. Beliau yang memegang jawatan Ketua Pengarah Pendidikan dari tahun 2007 hingga tahun 2010 turut menegaskan bahawa selagi sesi pembelajaran bersekolah tidak dapat dijalankan, maka PdPR merupakan solusi berkesan dan sesuai bagi menggantikan pertemuan fizikal antara murid dengan guru di dalam kelas fizikal. Sementara itu, Profesor Emeritus Datuk Isahak Haron daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya berpendapat bahawa PdPR boleh terlaksana dengan baiknnya sekiranya para pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran dengan lebih mudah. Beliau juga mempunyai pandangan bahawa PdPR paling praktikal yang dapat dilaksanakan pada ketika ini menerusi sistem televisyen (TV) pendidikan. “TV pendidikan dapat diakses oleh lebih ramai murid kerana peratusan mempunyai televisyen di rumah adalah tinggi berbanding dengan peranti seperti komputer riba yang mungkin hanya dimiliki golongan lebih berkemampuan,” katanya. Melalui TV pendidikan juga satu-satu subjek itu dapat diajar dalam pelbagai bentuk persembahan untuk menarik minat para pelajar dan menjadikan mereka lebih fokus untuk menghadapi sesi pembelajaran. Kaedah ini praktikal selain lebih kos efektif dan dapat dinikmati oleh pelbagai peringkat sekolah rendah dan menengah.

Bermula 1 Mac 2021 dan 4 April 2021, murid kembali ke sekolah. Murid harus bersiap siaga dengan norma baharu di sekolah pula selepas membiasakan diri dengan kebiasaan baharu belajar di rumah. Ibu bapa atau penjaga disarankan untuk memastikan anak tidak mempunyai simptom COVID-19. Ibu bapa tidak dibenarkan

menghantar anak mereka ke sekolah sekiranya mempunyai simptom seperti batuk, sakit tekak, dan selesema. Suhu anak perlu diperiksa oleh ibu bapa agar tidak melebihi 37.5. Hal ini adalah untuk memastikan ibu bapa memikul tanggungjawab baharu dalam norma baharu ini untuk membawa anak ke pusat saringan kesihatan yang berdekatan. Ibu bapa juga digalakkan menyediakan pelitup muka dan pensanitasi tangan untuk keselamatan murid. Oleh sebab pelajaran di sekolah berlangsung lebih daripada lima jam, anak perlu membawa lebih daripada sehelai pelitup muka.

Penjarakan fizikal ialah normal baharu yang harus dijadikan kebiasaan baharu murid ke sekolah. Hal ini memang sukar dilakukan kerana murid pasti rindu akan guru dan rakan di sekolah. Elakkan murid bersentuhan, terutama yang menaiki bas sekolah dan pengangkutan awam. Ibu bapa digalakkan menghantar anak ke sekolah supaya risiko pelanggaran norma baharu penjarakan fizikal dapat dilakukan oleh murid. Selain mengambil dan mencatat suhu badan, murid harus mencuci tangan sekerap-kerap yang mungkin. Usaha ini dapat dilakukan sekiranya murid membawa pensanitasi tangan. Murid-murid norma baharu juga belum dibenarkan melakukan sebarang aktiviti di luar bilik darjah atau menghadiri perhimpunan sekolah. Larangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini adalah untuk memastikan murid menghadapi norma baharu ini dengan tenang dan bersiap sedia. Sewaktu belajar, elakkan berkongsi alat tulis dengan rakan yang lain untuk mengelakkan penularan wabak COVID-19. Barangan peribadi seperti makanan, buku, alat tulis, dan kerusi meja tidak wajar dikongsi dengan sesiapa. Murid yang membawa makanan sendiri juga merupakan amalan baharu yang perlu dijadikan norma kehidupan dalam kebiasaan baharu. Makanan yang dibawa dari rumah lebih sihat dan memastikan kita terkawal daripada menjadi punca penularan COVID-19.

Kesimpulannya, kerjasama semua pihak, yakni ibu bapa, guru, dan ahli masyarakat amat diperlukan dalam usaha mendepani norma baharu ini.

Dalam hal ini, sudah tentu bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi. Ibu bapa terutamanya harus menjadi tebing yang kukuh untuk memastikan sistem pendidikan sebagai aur masa hadapan sentiasa teguh. Konsep bagi aur dengan tebing ini sangat mustahak untuk memastikan murid-murid dapat menghadapi norma baharu dengan minda yang positif. Sama-samalah kita berdoa agar COVID-19 akan berlalu pergi dengan penemuan vaksin yang dicipta oleh kehebatan ahli sains perubatan dan teknologi.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang diusahakan oleh kerajaan diharapkan dapat membantu memulihkan keadaan pembelajaran kepada bentuk asalnya. Walau bagaimanapun, semua usaha ini memakan masa dan murid harus berhati-hati dalam setiap tindakan mereka. Sebagai murid, norma baharu ini harus diterima sebagai cabaran baharu dalam usaha mengejar kecemerlangan diri. Kebiasaan baharu ini sememangnya lebih mendewasakan dan mematangkan pemikiran murid tentang aspek kebersihan dan kesihatan. Murid-murid semestinya lebih cakna akan soal penjagaan kebersihan diri dan kesihatan diri.

Dengan kata lain, norma baharu ini mendidik murid ke arah kematangan dan mengisi dada mereka dengan pelbagai ilmu baharu. Dari sisi lain, kebiasaan baharu ini juga mendidik murid menjadi lebih matang dan mandiri dalam soal pelajaran. Kemandirian inilah yang dapat memacu mereka dan merangsang mereka mencipta lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Penulis berharap semua murid dan guru dikurniailah kesihatan yang baik untuk mengharungi cabaran dunia pendidikan dalam kebiasaan baharu dengan menguatkan keyakinan, ketabahan dan kegigihan. **PB**

Biasakan anak melalui kebiasaan baharu dalam kehidupan mereka.

